

Azhar terima anugerah Kapten Kerhormat TLDM

LANGKAWI 1 Dis. — Pelayar negara, Datuk Azhar Mansor malam ini menerima anugerah Kapten Kehormat Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kerana kejayaannya mengelilingi dunia secara solo.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad setelah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz.

Ia disampaikan pada majlis makan malam sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (LIMA '99) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini.

Azhar, anak kelahiran Perlis mula belayar me-

ngelilingi dunia pada 2 Februari lalu dengan menempuh perjalanan 40,000 kilometer selama 190 hari.

Selain menjadi rakyat Malaysia pertama me-

ngelilingi dunia secara solo, beliau turut mencatat rekod baru dalam *Guinness Book of Records* sebagai pelayar pertama menggunakan laluan baru Timur-Barat.

Anugerah itu merupakan yang kedua diterima oleh Azhar selepas menerima pingat kebesaran negeri Perlis yang membawa gelaran Datuk sempena Hari Keputeraan Raja Perlis, baru-baru ini.

Kira-kira seribu tetamu menyertai majlis tersebut termasuk Panglima TLDM, Laksamana Madya Datuk Seri Abu Bakar Abdul Jamal serta para peserta yang mengambil bahagian dalam LIMA kali ini.